



## **KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN**

**27 JUN 2021**

### **MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

Fasa 1 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyeluruh dikekalkan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) sehingga tiga indikator nilai ambang utama dicapai.

Ketiga-tiga indikator nilai ambang tersebut ialah purata kes harian COVID-19 menurun di bawah 4,000 kes, kadar penggunaan katil di ICU pada paras sederhana serta kadar vaksinasi bagi populasi yang telah menerima dua dos lengkap mencapai 10%.

Justeru, peralihan daripada Fasa 1 ke Fasa 2 akan mengambil kira ketiga-tiga indikator itu sebelum ia diputuskan. Secara keseluruhan, PPN adalah strategi peralihan keluar dari kemelut pandemik COVID-19 yang merangkumi empat fasa melibatkan pelan peralihan fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berperingkat.

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kerajaan akan mengekalkan lagi tempoh Fasa 1 di seluruh negara seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri sebelum disahkan hari ini.

Ia mengambil kira situasi semasa ketika ini yang masih belum berjaya untuk beralih dari Fasa 1 ke Fasa 2 apabila graf jumlah kes positif baharu harian menunjukkan trend mendatar.

Dalam pada itu, terdapat kekeliruan mengenai peranan pasukan keselamatan terutama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di dalam Ops yang telah diumumkan sebelum ini.

Terdapat dua pembahagian tugas iaitu National Task Force yang diketuai oleh ATM menerusi Op BENTENG yang melibatkan kawalan sempadan negara bersama-sama 11 agensi lain termasuk PDRM, APMM dan lain-lain.

Manakala Task Force Operasi Pematuhan pula diketuai oleh PDRM dan dibantu oleh ATM, APM, RELA, PBT dan lain-lain bagi tujuan pemantauan pematuhan SOP samada melalui Sekatan Jalan Raya (SJR) atau pemeriksaan di tempat-tempat awam.

Kedua-dua Task Force ini telah diwujudkan sejak PKP 1.0 lagi. Setelah PKP 3.0 dilaksanakan, Task Force Operasi Pematuhan PDRM diperluaskan kepada pemeriksaan terhadap kilang-kilang yang melanggar arahan dan SOP.

Bagi memantau dan tindakan terhadap kilang-kilang dan premis perniagaan yang melanggar perintah atau SOP, MKN menyelaras Special Task Force yang baru diwujudkan. Walau bagaimanapun, memandangkan sudah wujud Task Force Operasi Pematuhan di bawah PDRM yang menjalankan tugas yang hampir sama untuk memantau pematuhan SOP di tempat awam termasuk premis perniagaan, maka Sidang Khas MKN berpandangan tidak perlu diwujudkan Special Task Force lagi. Cukup dengan Task Force Operasi Pematuhan PDRM di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Justeru, saya berharap semua pihak faham setiap pembahagian tugas dan gerak kerja yang melibatkan ATM dan PDRM dalam melaksanakan tanggungjawab demi keselamatan rakyat dan kesejahteraan negara.

### **Operasi Premis Makan/Restoran**

Sebelum ini, operasi melibatkan premis kedai makan dan restoran hanya dibenarkan bermula jam 8 pagi sehingga 8 malam. Setelah mengambil kira rayuan dan pandangan pengusaha kedai makan, sidang mesyuarat bersetuju untuk menukar waktu operasi premis yang menjual makanan bermula jam **6 pagi hingga 10 malam berkuatkuasa 28 Jun 2021**.

## **SOP Fasa Pelan Pemulihan Negara**

Dalam fasa satu PPN, SOP am PKP3.0 masih diguna pakai yang mana semua aktiviti sosial dan ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali sektor-sektor perlu yang disenaraikan dalam senarai positif yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

### **Fasa Dua**

Bagi fasa dua, senarai positif sektor yang dibenarkan beroperasi akan diperluaskan termasuk:

<b>SEKTOR PEMBUATAN</b>		
Automotif (Kenderaan & Komponen)	Seramik	Kilang perabot bagi tujuan eksport
Getah	Besi & Keluli	Simen

<b>SEKTOR PERDAGANGAN &amp; PENGEDARAN</b>		
Kedai buku & alat tulis	Komputer & telekomunikasi	Barangan elektrik
Kedai cuci kereta	Kedai gunting rambut (perkhidmatan gunting rambut asas sahaja)	

Kebenaran beroperasi adalah dari **8.00 pagi sehingga 8.00 malam**.

Pergerakan rentas daerah dan negeri masih tidak dibenarkan kecuali bagi pergerakan guru sekolah dan pelajar kelas-kelas peperiksaan. Pergerakan rentas negeri bagi pasangan jarak jauh adalah dibenarkan bagi kes kecemasan dan khas sahaja dengan kelulusan PDRM.

Operasi restoran, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji (*food truck*), penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera, pusat penjaja, gerai makan tepi jalan atau kiosk masih beroperasi **dari 6.00 pagi sehingga 10.00 malam**.

Dalam fasa 2, pasar tani dan pasar pagi dibenarkan beroperasi dari **7.00 pagi sehingga 11.00 pagi** dan terhad kepada 6 komoditi iaitu sayur-sayuran, buah-buahan, barangan runcit, ayam proses, makanan laut dan daging. Walaubagaimanapun, pasar minggu, pasar malam dan pasar tamu masih tidak dibenarkan dibuka.

Semua aktiviti sukan dan rekreasi secara individu dan tidak bersentuhan fizikal dibenarkan.

### **Fasa Tiga**

Bagi fasa 3, semua aktiviti ekonomi adalah dibenarkan beroperasi **KECUALI** aktiviti yang berisiko tinggi dan disenaraikan dalam senarai negatif seperti:

<b>SEKTOR BERISIKO TINGGI</b>	
Spa	
<i>Pedicure &amp; Manicure</i>	Pub & Kelab Malam

Pergerakan rentas daerah dibenarkan sepanjang fasa 3 manakala pergerakan rentas negeri masih tidak dibenarkan.

*Dine-in* di restoran dibenarkan terhad kepada 2 orang satu meja dengan mematuhi penjarakan fizikal.

Bagi pengangkutan awam seperti teksi dan perkhidmatan *e-hailing* termasuk kenderaan persendirian, jumlah kapasiti ditingkatkan kepada 3 orang termasuk pemandu.

Pasar-pasar malam, pasar tani, pasar minggu dan pasar tamu juga dibenarkan beroperasi mengikut SOP semasa.

Salon kecantikan (*beauty salon*) turut dibenarkan beroperasi ketika di fasa 3 dengan mematuhi SOP ketat yang telah ditetapkan.

Pembukaan sektor pendidikan termasuk sekolah, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Institut Latihan Kemahiran dan institusi-institusi pendidikan lain di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) serta agensi-agensi lain adalah tertakluk kepada Takwim KPM dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta penilaian risiko semasa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Aktiviti-aktiviti sosial masih tidak dibenarkan semasa fasa 3. Walaubagaimanapun, kelonggaran untuk menerima tetamu atau pelawat di kediaman dibenarkan terhad kepada 10 orang dalam satu-satu masa.

Aktiviti pelancongan adalah dibenarkan dengan syarat pelancongan dalam negeri sahaja. Pembukaan tarikan pelancong masih tertakluk kepada penilaian risiko semasa dan SOP yang ketat.

Industri kreatif juga dibenarkan di fasa 3 sebagai contoh acara langsung tanpa penonton.

### **Fasa Empat**

Fasa empat dapat dilaksanakan apabila bilangan kes COVID -19 adalah rendah, sistem kesihatan awam di tahap selamat dan program vaksinasi telah mencapai tahap imuniti berkelompok.

Fasa terakhir ini akan membolehkan kita semua kembali semula kepada norma kehidupan seharian yang mana hampir kesemua sektor dibenarkan sepenuhnya tertakluk kepada SOP sedia ada yang telah ditetapkan.

Ini merupakan sebahagian senarai positif dan negatif bagi setiap fasa, manakala SOP kekal seperti yang telah diumumkan dan maklumat lanjut secara terperinci boleh di akses di laman sesawang MKN (<https://www.mkn.gov.my>)

## **PKPD Dua (2) Lokaliti di Kota Belud, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Kota Belud, Sabah, melibatkan:

- Kampung Nahaba Tegudon
- Kampung Linau

KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes COVID-19 di kedua-dua lokaliti tersebut di mana 9 kes positif telah direkodkan hasil dari 48 ujian saringan yang dijalankan di Kampung Nahaba Tegudon dan 11 kes positif direkodkan dari 15 ujian saringan yang dilaksanakan di Kampung Linau.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Nahaba Tegudon dan Kampung Linau, Kota Belud, Sabah berkuat kuasa 29 Jun sehingga 12 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini bagi memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes-kes positif dan kontak rapat supaya dapat diasingkan serta menyekat pergerakan dan penularan jangkitan keluar dari lokaliti tersebut.

## **Pelanjutan PKPD Kampung Penimbawan, Tuaran, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Penimbawan, Tuaran, Sabah yang dijadualkan tamat pada 28 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 1,693 ujian saringan dan 53 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Sehingga kini, KKM mengesahkan masih terdapat penularan berterusan dikalangan penduduk di dalam kawasan PKPD serta masih terdapat jangkitan baharu yang direkodkan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKPD) di Kampung Penimbawan, Tuaran, Sabah berkuat kuasa 29 Jun sehingga 12 Julai 2021.

### **Penamatan PKPD 5 Sub-zon WP Labuan**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di lima (5) Sub-zon Wilayah Persekutuan (WP) Labuan yang dijadualkan tamat pada 28 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 8,682 ujian saringan dan 1,632 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di lima (5) Sub-zon Wilayah Persekutuan (WP) Labuan pada 28 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

### **Penamatan PKPD Kampung Lebak Moyoh, Kota Belud, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Lebak Moyoh, Kota Belud, Sabah yang dijadualkan tamat pada 28 Jun 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 129 ujian saringan dan 12 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Lebak Moyoh, Kota Belud, Sabah pada 28 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

### **Penamatan PKPD Batu 3.5 Jalan Apas (Kiri), Tawau, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Batu 3.5 Jalan Apas (Kiri), Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 28 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 69 ujian saringan dan 11 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan kluster terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Batu 3.5 Jalan Apas (Kiri), Tawau, Sabah pada 28 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

### **Penamatan PKPD Kampung Tanjung Kapor, Kudat, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Tanjung Kapor, Kudat, Sabah yang dijadualkan tamat pada 28 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 1,152 ujian saringan dan 171 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan kluster terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Tanjung Kapor, Kudat, Sabah pada 28 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.



### **Penamatan PKPD Kampung Tabuan Haji Drahman, Kuching, Sarawak**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Tabuan Haji Drahman, Kuching, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 28 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 357 ujian saringan dan 57 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan kluster terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Tabuan Haji Drahman, Kuching, Sarawak pada 28 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

### **Penamatan Awal PKPD 11 Rumah Panjang dan SK Stalon, Stalon, Tanjung Manis, Mukah, Sarawak**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di 11 Rumah Panjang dan SK Stalon, Stalon, Tanjung Manis, Mukah, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 29 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 177 ujian saringan dan 95 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan kluster terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di 11 Rumah Panjang dan SK Stalon, Stalon, Tanjung Manis, Mukah, Sarawak pada 28 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

## **Task Force Operasi Pematuhan**

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 95,003 pemeriksaan semalam, bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 798 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 762 individu dikompaun manakala 24 direman dan 12 dijamin.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Tiada penjarakan fizikal (172)
- Tidak mematuhi arahan kawalan pergerakan (119)
- Gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (114)
- Tidak memakai pelitup muka (108)
- Bawa penumpang berlebihan (69)
- Lain-lain (216)

## **Kawalan Sempadan Negara**

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 28 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) serta merampas enam (6) buah kenderaan darat.

Sebanyak 149 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui lapan (8) aktiviti penglihatan dan tiga (3) orang PATI turut berjaya diusir melalui satu (1) aktiviti pengusiran.

Op BENTENG melibatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 951 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

- Op PENAWAR/SJR PKP - 897 SJR
- Op BENTENG PDRM/ATM/RELA - 45 SJR
- Op BENTENG AKSEM - 9 SJR

## **Operasi Disinfeksi COVID-19**

Semalam, sebanyak 111 operasi disinfeksi dilakukan meliputi 45 zon merah, zon jingga (2) dan zon kuning (8) di seluruh negara.

Operasi ini melibatkan 738 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 221 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 104 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 29,387 operasi disinfeksi yang merangkumi 157 zon telah dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi ini melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasar raya dan bangunan kerajaan.

## **Kuarantin Wajib**

Semalam, seramai 605 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 235,254 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 72 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 7,918 individu telah dikuarantin dan 224,491 orang dibenarkan pulang manakala 2,845 lagi dibawa ke hospital.

## **Barang Keperluan Asas**

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 704 pemantauan harian ke atas 10 jenis bekalan barangan terdiri daripada peringkat peruncit (520), pemborong (152) dan pengilang (32).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,617 pemeriksaan khas pematuhan SOP dan daripada jumlah itu, 1,608 premis mematuhi SOP yang ditetapkan manakala sembilan (9) premis dikompaun kerana tidak patuh SOP.

**Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri.**

Terima kasih.

**#StaySafeStayHome #AmalkanKawalanKendiri**

**YB DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB  
MENTERI KANAN PERTAHANAN**